



Ruj. Kami : JKMM.(R) 149/8-1/2012 (507)
Tarikh : 9 Oktober 2012

1/05

ENCIK ISMAIL BIN SAGAP
KEMENTERIAN PENGAJIAN TINGGI
PUSAT PERUBATAN UKM
JALAN YAACOB LATIF
56000 KUALA LUMPUR

Tuan,

PENGURNIAAN DARJAH, TAULIAH, BINTANG DAN PINGAT KEBESARAN NEGERI MELAKA SEMPERA HARI JADI KE-74 TUAN YANG TERUTAMA YANG DI-PERTUA NEGERI MELAKA TAHUN 2012

Dengan hormatnya sukacita dimaklumkan bahawa Tuan Yang Terutama Yang di-Pertua Negeri Melaka, Tun Datuk Seri Utama Mohd Khalil Bin Yaakob sempena menyambut Hari Jadinya pada hari Sabtu 13 Oktober 2012, telah berkenan mengurniakan kepada Tuan,

**DARJAH PANGKUAN SERI MELAKA (D.P.S.M.)
YANG MEMBAWA GELARAN DATUK**

2. Pengurniaan ini adalah sebagai penghargaan Tuan Yang Terutama Tun terhadap perkhidmatan dan jasa Tuan yang cemerlang kepada Negeri Melaka khususnya dan Malaysia amnya. Bagi pihak Kerajaan Negeri, Pentadbiran ini mengucapkan setinggi-tinggi tahniah ke atas pengurniaan tersebut.
3. Pentadbiran ini meminta Tuan dapat mengembalikan borang persetujuan seperti di Lampiran A.
4. Untuk makluman Tuan, Istiadat Pengurniaan Darjah, Tauliah, Bintang dan Pingat Kebesaran ini akan disempurnakan oleh Tuan Yang Terutama Yang di-Pertua Negeri Melaka seperti berikut :-

Tarikh : 13 Oktober 2012 (Sabtu)
Masa : 8.30 pagi
Tempat : Dewan Seri Negeri,
Ayer Keroh,
Melaka.

*En Hadun Bintang
Tolong uruskan
di uruga, perlinapuan
PPUKM Nov 2012*

*En Othman - foloy umumkan
di Mesy fakulti*
15/10/12

5. Bersama-sama ini disertakan panduan kepada penerima-penerima Darjah, Tauliah, Bintang dan Pingat Kebesaran seperti di Lampiran B untuk rujukan.

6. Bagi memastikan Istiadat Pergurniaan tersebut berjalan dengan lancar dan teratur, **Majlis Raptai** akan diadakan seperti berikut :-

Tarikh : 12 Oktober 2012 (Jumaat)
Masa : 8.00 pagi
Tempat : Dewan Seri Negeri,
Ayer Keroh,
Melaka.

(Kehadiran adalah dimestikan)

7. Dipohon kerjasama agar pengurniaan ini dirahsiakan sehingga tarikh pengisytiharannya pada **13 Oktober 2012**. Walau bagaimanapun, Kerajaan Negeri berhak melucutkan apa-apa pengurniaan Darjah/Tauliah/Bintang dan Pingat Kebesaran Negeri sekiranya penerima melakukan kesalahan besar.

Sekian, terima kasih.

“ MELAWAT MELAKA BERSEJARAH BERERTI MELAWAT MALAYSIA ”
“ MELAKA MAJU NEGERIKU SAYANG, NEGERI BANDAR TEKNOLOGI HIJAU ”
“ BERKHIDMAT UNTUK NEGARA ”

Saya yang menurut perintah,



(DATUK WIRA OMAR BIN KASEH)